

MAB, DCA dan Penerbangan Malaysia saling menuduh

# PM mahu tindakan

Oleh SUKHVINDER KAUR

KUALA LUMPUR 18 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegur sikap Malaysia Airports Berhad (MAB), Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Penerbangan Malaysia yang tidak berganding bahu mengatasi masalah keselamatan dan pencerobohan yang sering berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang (LTAB).

Perdana Menteri kesal dengan sikap ketiga-tiga agensi berkenaan yang saling tuduh menuduh antara satu dengan lain.

Katanya, tindakan mereka yang enggan bertanggungjawab dan kurang minat itu amat mengecewakan terutamanya dalam kejadian terbaru melibatkan seorang pendatang tanpa izin membolos sistem kawalan keselamatan LTAB dan menaiki pesawat ke Kota Kinabalu tanpa tiket.

Beliau menegaskan, sepatutnya semua pihak yang terlibat dalam urusan dan pengendalian serta keselamatan di LTAB mengambil sikap bertanggungjawab serta bekerjasama dan bukan tuduh menuduh antara satu sama lain.

## Urusan

Dr. Mahathir mahu supaya semua anggota agensi dan syarikat yang mengendalikan urusan di LTAB menjalankan tugas masing-masing dengan tegas dan baik dan bukan tuduh menuduh antara satu sama lain apabila berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini.

"Semua anggota yang bertugas di lapangan terbang itu mesti menjalankan pemeriksaan dengan cara teratur dan jangan hanya melepaskan tangan apabila berlaku sesuatu kejadian yang serius," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis jamuan bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidilfitri di Kelab Bukit Perdana dekat sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah

■ Lihat muka 2

# PM mahu tindakan

isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Musthapa dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji.

Semalam, *Utusan* menyiarkan berita mengenai tuduh menuduh berlaku di antara Malaysia Airports Berhad (MAB), Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Penerbangan Malaysia ekoran kejadian terbaru seorang pendatang tanpa izin membolosi sistem kawalan keselamatan LTAB.

Menurut Dr. Mahathir, peruntukan mengenai keselamatan serta tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat sudah sedia termaktub dalam peraturan yang ada.

Namun, katanya, peruntukan tidak bermakna jika terdapat pihak-pihak yang tidak mengambil berat dan menghormati peruntukan serta tanggungjawab masing-masing.

"Saya susah hati mendengar tindakan dan sikap pihak yang tuduh menuduh, ini bukan cara untuk menyelesaikan isu atau masalah yang dihadapi," katanya.

Ditanya oleh pemberita, sama ada beliau akan memberi amaran tegas kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pentadbiran dan urusan di LTAB, Dr. Mahathir menjelaskan: "Saya tak larat nak bagi *warning* (amaran) biarlah orang lain memberi amaran kepada mereka."

Menjawab soalan mengenai

membenarkan polis mengawal serta mengendalikan keselamatan di LTAB, beliau tidak menolak kemungkinan untuk mengalihkan tanggungjawab tersebut.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak mahu membebaskan polis dengan urusan tambahan kerana buat masa ini pihak polis sudah memegang banyak tanggungjawab.

Mengenai isu siapakah yang harus bertanggungjawab berhubung dengan masalah keselamatan dan pencerobohan yang berlaku hampir 10 kali sejak kebelakangan ini di LTAB, Dr. Mahathir berkata, isu keselamatan dalam LTAB adalah tanggungjawab pihak DCA dan MAB.

Sementara itu, Ahmad Sarji

ketika ditemui memberitahu, pihaknya berpendapat, masalah keselamatan di lapangan terbang adalah satu isu yang memerlukan tindakan segera.

Katanya, kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap masalah keselamatan yang dihadapi buat masa ini.

Namun, katanya, sebarang tindakan seterusnya akan dibuat berdasarkan kepada laporan hasil siasatan yang akan dibincangkan oleh jawatankuasa tindakan yang dipengerusikan oleh beliau sendiri berhubung dengan masalah pencerobohan di lapangan terbang setelah mendapat arahan daripada Kabinet.